



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# LATIHAN INDUSTRI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Pelajar yang menjalani latihan industri di SSM akan ditempatkan sama ada di Ibu Pejabat SSM di dalam tiga (3) bahagian bidang iaitu Perkhidmatan Korporat, Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan, Kawal Selia & Penguatkuasaan atau Pejabat Negeri dan Cawangan SSM di seluruh Malaysia. Penempatan akan ditentukan berdasarkan keperluan dan kesesuaian dengan bidang pengajian pelajar.

Pelajar Latihan Industri akan didedahkan dengan persekitaran kerja yang mendorong inovasi, meningkatkan potensi diri, menyediakan platform yang terbaik dalam mendapatkan perspektif baharu. SSM juga komited untuk membantu pelajar dalam aspek pembangunan diri dan mencapai matlamat kerjaya melalui penyediaan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menjalani latihan industri.

## Syarat Permohonan Latihan Industri :

- Pelajar mestilah warganegara Malaysia sahaja;
- Berumur 18 tahun dan ke atas;
- Bidang pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang bersesuaian meliputi pengajian di IPTA/IPTS dalam dan luar negara;
- Minima CGPA adalah 3.00; dan
- Penglibatan aktif dalam bidang ko-kurikulum dan sukan.

## Terma dan Syarat:

- Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan tiga (3) bulan sebelum tempoh latihan industri;
- Permohonan adalah hanya melalui atas talian;
- Calon yang berjaya akan dihubungi untuk penempatan latihan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

# LATIHAN INDUSTRI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

## Dokumen Pemohon:

Pemohon mestilah mengemukakan dokumen permohonan latihan industri seperti berikut:

- Resume lengkap bergambar;
- Salinan transkrip sehingga semester semasa;
- Surat permohonan latihan industri daripada pelajar;
- Surat permohonan latihan industri daripada universiti;
- Borang jawapan permohonan latihan industri kepada universiti (jika ada).

## Proses Permohonan:

- Melalui penilaian video;
- Sesi temuduga secara atas talian.



Level 24, Menara SSM@Sentral  
No.7, Jalan Stesen Sentral  
50623 Kuala Lumpur



03-2299 5301 / 4707  
(Unit Pembangunan Bakat)



latihanindustri@ssm.com.my



www.ssm.com.my